



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Ketua Polis Terengganu, Datuk Roslee Chik **menafikan** pihak polis ada mengeluarkan arahan larangan pergerakan rentas daerah dan negeri bermula 22 hingga 27 Mei 2020 kepada semua balai polis dalam negeri Terengganu seperti yang tular di media sosial. Beliau **menjelaskan** hanya pergerakan rentas negeri sahaja tidak dibenarkan sebagaimana arahan sedia ada.

2. Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) **menafikan** pihaknya memberi kebenaran bagi penganjuran Bazar Ramadhan di kawasan Tanjung Karang seperti yang tular di media sosial. MDKS **menjelaskan** tapak jualan dalam video tersebut merupakan kawasan penjaja berlesen yang telah diberi kebenaran menjaya dalam tempoh PKPB mulai 13 Mei 2020 dengan syarat pematuhan SOP termasuklah penggiliran hari berniaga, penjarakan sosial dan penetapan waktu berniaga dari pukul 3.00 petang sehingga 10.00 malam sepanjang bulan Ramadhan. MDKS juga **menegaskan** kawalan dan pemantauan berkala dilaksanakan oleh Penguatkuasa MDKS dengan kerjasama PDRM dan RELA.

Pasukan Respons Pantas

KKMM

20 Mei 2020 | 11.00 Pagi

